

Pemimpin2 simpan harta di luar negeri

Dr. Mahathir: Tidak ada bukti pengaliran wang

KUALA LUMPUR, Isnin

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, Kerajaan setakat ini tidak mempunyai bukti bahawa pengaliran wang keluar negeri berpunca dari perbuatan Menteri dan pegawai Kerajaan lain menyimpan wang mereka di luar negeri.

Perdana Menteri memberitahu Dewan Rakyat semasa soaljawab, Kerajaan sentiasa mengawal pengaliran wang di negara ini sekalipun tidak terdapat sebarang sekatan secara langsung.

Tuhan bahawa sejak arahan mengiyatbar hartu buat ramai di antara Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri, ahli-ahli Exco dan pegawai Kerajaan menyimpan wang mereka di Singapura, adalah satu tuduhan yang serius," tegasnya.

Beliau menjawab pertanyaan anggota BN Tumpat, Tengku Noor Aslah binti Tengku Ahmad, yang ingin tahu sama ada Kerajaan memerhati dengan teliti kedudukan kewangan negara.

Penyokong Kerajaan itu juga bertanya sama ada Kerajaan sedar sejak arahan mawajibkan Menteri, Kerajaan Menteri serta pegawai kanan Kerajaan mengisytiharkan harta mereka, terdapat sebahagian dari mereka menyimpan wang di Singapura.

"Jika ahli Yang Berhormat mempunyai bukti, adalah menjadi tanggungjawab ahli Yang Berhormat menyampaikan bukti itu kepada saya."

Tarik balik tuduhan

"Jika ahli Yang Berhormat tidak mempunyai bukti bahawa ramai antara mereka berbuat demikian, saya harap ahli Yang Berhormat menarik balik tuduhan ini dan meminta maaf," katanya.

Kepada soalan tambahan Encik Chan Teck Chan (BN Kota Melaka), Datuk Seri Dr. Mahathir berkata beliau sendiri akan bertindak tegas terhadap setengah-setengah pemimpin parti pembangkang yang mempunyai simpanan wang di negara asing.

Encik Chan bertanya sama ada Kerajaan sedar terdapat setengah-setengah pemimpin parti pembangkang menyimpan wang di luar negeri dan bentuk tindakan yang akan diambil.

"Ia boleh dilakukan sebagai satu tuduhan juga. Bagaimanapun, jika terdapat bukti, saya akan mengambil tindakan sewajarnya," jelas Perdana Menteri.

Kepada pertanyaan anggota DAP Seremban, Dr. Che Man Hin, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, Kerajaan akan bertindak tegas terhadap pegawai kanan Kerajaan yang didapati membuat perisytiharan palsu.

Kerajaan, tegasnya talahpun mengadakan peraturan untuk membolehkan tindakan diambil terhadap pegawai Kerajaan yang membuat perisytiharan palsu atau memperolehi harta lebih dari keupayaan mereka.

"Bagi para Menteri dan Timbalan Menteri pula, saya sendiri akan menelitinya. Jika terdapat sebarang tuduhan terhadap mereka saya akan mengambil tindakan untuk menyemak kembali perisytiharan yang dibuat," tegasnya.

Dr. Chen ingin tahu tindakan Kerajaan bagi mempastikan segala perisytiharan yang dibuat oleh para Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai kanan Kerajaan adalah benar.

Kepada soalan lain Dr. Chen, Perdana Menteri berkata beliau akan mengumumkan tidak lama lagi tarikh terakhir bagi Menteri, Timbalan Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri serta pegawai kanan Kerajaan mengisytiharkan harta mereka.

Menjawab soalan tambahan dari Datuk Haji Abu Bakar Umar (PAS Kota Setar), Datuk Seri Dr. Mahathir berkata beliau tidak akan kekal memegang jawatan Perdana Menteri sekiranya perkhidmatannya tidak sempurna.

"Sekiranya saya tidak menjalankan tugas dengan sempurna, nampaknya tidak lamalah saya menjadi Perdana Menteri," katanya disambut dengan tepukan gemuruh para penyokong Kerajaan.



DATUK SERI DR. MAHATHIR

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia